

U GB 03-06 00194 BD000

bah

Mahathir - Pemerintahan

PEMERINTAHAN ISLAM DI MALAYSIA HENDAKLAH DIJADIKAN BUKTI

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Pemerintahan yang diterajui orang Islam di Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang agama hendaklah membuktikan kepada semua bahawa pemerintahan mengikut konsep dan prinsip keadilan Islam adalah yang sebenar-benarnya adil, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, jika pada hari ini terdapat gambaran bahawa Islam keterlaluan atau kejam ia bukan kerana ajaran Islam itu kejam, tetapi disebabkan ada orang Islam yang apabila berkuasa menjadi angkuh dan tidak mengikut ajaran Al-Quran dan Hadis.

"Orang Islam yang berkuasa, hakim dan pentadbir Islam di Malaysia tidak harus angkuh dan melupakan ajaran Islam mengenai keadilan," katanya semasa merasmikan persidangan "Islam dan Keadilan" anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini.

Beliau berkata amat penting bagi pemerintahan yang diterajui oleh orang Islam di Malaysia membuktikan bahawa pemerintahan mereka adalah adil kepada semua pihak, tidak berat sebelah dan tidak menindas.

Adalah menjadi tanggungjawab semua orang Islam membetulkan imej yang tidak baik yang berpunca daripada kumpulan-kumpulan penyeleweng ekstrimis Islam yang memberi gambaran tidak baik mengenai Islam dan penganutnya, katanya. -- Lagi.

▼03/06/13-39MST

U GB 03-06 00152 BD001

bah

Mahathir - Pemerintahan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata jika pada hari ini negara-negara tertentu dan bangsa-bangsa seperti Serb dan Yahudi berani dan dapat menindas serta mennganas, ia kerana negara Islam lemah disebabkan tidak menghiraukan ajaran Al-Quran.

"Pemerintahan mereka kerap tidak adil dan tidak berjaya mewujudkan keamanan dan ketenteraman yang diperlukan untuk pertumbuhan ilmu, kecekapan dan kekayaan, yang mana semua ini diperlukan untuk kekuatan dan kehormatan," katanya.

Justeru itu, katanya, sebelum umat Islam menyalahkan pihak lain, mereka harus meyoal diri sendiri mengenai amalan ajaran agama, terutama daripada segi menegakkan pemerintahan yang adil.

"Jika keadilan Islam tidak terbukti dan sukar diterima umum, kesalahannya adalah juga pada diri kita," katanya.

Oleh itu katanya, adalah amat penting untuk bukan sahaja memperkatakan tentang keadilan Islam tetapi membuktikan bahawa konsep dan prinsip-prinsip keadilan dalam Islam memang dapat menegakkan kebenaran dan mewujudkan masyarakat yang bahagia. -- Lagi.

▼03/06/13-48MST

U GB 03-06 00172 BD002

bah

Mahathir - Pemerintahan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata sejarah perundangan membuktikan bahawa proses mengkanunkan undang-undang dimula dan dilaksanakan oleh orang Islam.

Katanya, dengan proses ini undang-undang Islam menjadi lebih tepat dan teratur.

Di samping itu, oleh kerana mereka yang mengkanunkan undang-undang Islam adalah manusia biasa yang tidak sunyi daripada kecacatan, pembedaan dan penyesuaian hendaklah dilakukan kepada kanun undang-undang mengikut zaman dan tempat, katanya.

"Dengan cara ini undang-undang yang diasaskan kepada al-Quran dan Hadis akan sesuai dengan keadaan di sepanjang zaman" kata beliau.

Perdana Menteri berkata jenayah berubah di sepanjang masa dan pada zaman moden ini, terdapat jenayah perdagangan yang begitu halus dan kompleks sehingga sukar menentukan kesalahan yang dilakukan.

Katanya, jika tidak ada satu usaha untuk mengenalpasti jenayah ini dan menentukan hukuman yang sesuai dengan ajaran agama, maka banyak jenayah yang akan melanda masyarakat.

Usaha perlu dibuat supaya sistem perundangan negara tidak bercanggah dengan konsep dan prinsip keadilan dalam Islam, katanya. -- Bernama.

MSZ AHH AZ.

▼03/06/14-21MST